

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
(JELUTONG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28.03.2017**

**Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perbezaan antara metodologi Automatic Pricing Mechanism (APM) yang diamalkan di Malaysia dengan Mean of Platts Singapore (MOPS) dalam pengiraan untuk menentukan harga bahan api di Malaysia.

### **JAWAPAN**

#### **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- 1) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan penetapan harga runcit RON95 dan diesel berdasarkan harga pasaran dunia menggunakan formula *Automatic*

*Pricing Mechanism* (APM) mulai 1 Disember 2014. Berdasarkan kaedah ini, perubahan harga runcit RON95 dan diesel di negara ini dibuat setiap bulan untuk dilaksanakan mulai setiap 1 haribulan.

- 2) Kos utama yang menjadi komponen dalam formula APM tersebut ialah kos sebenar RON95 dan diesel yang telah siap diproses (*refined product*) dan kadar pertukaran mata wang ringgit Malaysia berbanding US dolar. Di samping itu, kos selainnya yang terdiri daripada komponen tertentu seperti kos pengendalian operasi dan margin syarikat minyak serta komisen pengusaha stesen minyak juga di ambil kira dalam formula APM.
- 3) MOPS pula adalah singkatan kepada *Mean of Platts Singapore* iaitu purata penilaian harga minyak harian (*refined product*) yang diterbitkan di pasaran *Platts* oleh *McGraw Hill Companies Limited* (MHCL). MHCL merupakan sebuah syarikat antarabangsa yang menyediakan informasi berkaitan tenaga, petro kimia, metals dan pertanian yang berpengkalan di Singapura.